
Program dalaman institusi seperti perhimpunan bulanan/ucap tahniah atau selamat hari lahir pada warga kerja/mesyuarat dalaman/bengkel latihan dalaman yang tidak melibatkan kerjasama strategik pihak luar tidak akan dikira sebagai hebahan.

Hebahan/promosi/publisiti daripada KPT, JPPKK atau mana-mana platform media massa/social yang dimuat naik/dikongsi semula oleh institusi tidak akan diambil kira.

### **Dokumen Bukti:**

Laporan Bulanan Hebahan Program/Aktiviti

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 8: CENTA**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## **TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN**

### **Pernyataan KPI:**

Skor Prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC) JPPKK

### **Definisi Operasi:**

KPI ini merangkumi Centre of Technology (COT) Politeknik dan Industry On Campus (IOC) JPPKK yang telah diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%.

**Sasaran: 80%**

### **Justifikasi:**

- i. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Teras Strategik 3: Modal Insan).
- ii. Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) – Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan, Petunjuk Prestasi (KPI).
- iii. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) – Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti; Inisiatif 1: meletakkan IPT mengikut Pelbagai Bentuk Kecemerlangan Institusi.
- iv. Industry 4WRD (National Policy on Industry 4.0)

### **Kaedah Pengukuran:**

Setiap COT politeknik diiktiraf perlu melaksanakan penilaian sendiri dan menghantar Laporan Pelaksanaan Aktiviti Centre Of Technology (COT) Politeknik (Sila rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology (COT) politeknik Edisi 2020) kepada BPPI. Berdasarkan laporan tersebut, BPPI akan menentusahkan prestasi pencapaian COT.

Elemen penilaian dan pemberatan markah:

Bil.	Elemen	Markah maksimum
1.	Kolaborasi	20
2.	Penyelidikan dan Inovasi	40
3.	Perkhidmatan Kepakaran	
4.	Penerbitan	20
5.	Pengiktirafan	
6.	Pengajaran dan Pembelajaran	20
7.	Penjanaan Pendapatan	

Nota: Maklumat terperinci kaedah pengukuran perlu dirujuk di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Centre of technology (COT) Politeknik Edisi 2020 dan Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan Industry on Campus (IOC) JPPKK Edisi 2022.

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 8: CENTA**


**FREKUENSI: SUKUAN**

## **Dokumen Bukti:**

- Laporan Pelaksanaan Aktiviti Centre Of Technology (COT) Politeknik (Sila rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology (COT) Politeknik Edisi 2020).
- Laporan Pelaksanaan Aktiviti Industry on Campus (IOC) JPPKK (Sila rujuk Garis Panduan Kriteria Penarafan berteraskan Industry on Campus (IOC) JPPKK Edisi 2022).

## **Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Centre of Technology



# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 9: SG PAK**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## **TERAS 3: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN**

### **Pernyataan KPI:**

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)

### **Definisi Operasi:**

KPI menyasarkan pengumpulan data perbelanjaan mengurus mengikut bulanan bagi mengukur prestasi perbelanjaan secara keseluruhan pada tahun semasa. Julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah 8.33% dan mencapai minimum 50% pada pertengahan tahun.

**Sasaran:** 99%

### **Justifikasi:**

- i. Sasaran KPI adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.2). Semua inisiatif belanjawan yang diumumkan oleh kerajaan perlu dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

### **Kaedah Pengukuran:**

Pemantauan dalam aspek pengumpulan data dibuat akhir tahun selepas penutupan akaun. Data diperolehi dengan merujuk kepada laporan prestasi perbelanjaan yang diambil daripada Laporan Vot Dana iGFMAS.

### **Dokumen Bukti:**

Laporan Vot Dana B64 akhir tahun selepas penutupan akaun yang diambil daripada Sistem IGFmas

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Penolong Akauntan



# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 10: SG PAK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI:

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima

### Definisi Operasi:

Pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima pada tahun semasa. Pengiraan bil tujuh (7) hari adalah seperti berikut:

- i. Sistem ePerolehan:  
Daripada Tarikh invois dikunci masuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal. (status 80).
- ii. Sistem iGFMAS  
Daripada tarikh terima di Unit Kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80).

**Sasaran: 95%**

### Justifikasi:

- i. Semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak melebihi tujuh (7) hari dari Tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna bagi mengelakkan isu pembayaran bil melebihi 14 hari yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 103(a) (AP103(a)).

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peritus prestasi pengurusan pembayaran bil adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator:* Bilangan bil yang tidak melebihi 7 hari

*Denominator:* jumlah keseluruhan bil

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 11: UKPK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT

### Pernyataan KPI:

Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- i. Pensyarah teras bidang yang pernah melengkapkan sangkutan industry sekurang-kurangnya sebulan; atau
- ii. Pensyarah teras bidang yang mempunyai kelayakan professional/sijil professional.

### Catatan:

- a. Pensyarah teras bidang:
  - i. Di politeknik – adalah pensyarah yang ditempatkan mengikut pengisian waran di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian;
  - ii. Di kolej komuniti – adalah penyandang waran perjawatan “Pensyarah” dan bukannya “Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat” mahu pun “Pensyarah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris/Agama sahaja”.
- b. Kelayakan professional/sijil professional yang diambil kira adalah yang masih sah tempoh sehingga 31 Disember pada tahun semasa.
- c. Kelayakan profesional adalah gelaran profesional yang diiktiraf oleh badan profesional.
- d. Sijil Profesional adalah bermaksud sijil kelayakan yang mendapat pengiktirafan daripada badan professional/agensi/persatuan/industry yang dibenarkan membuktikan bahawa pegawai mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk melaksanakan tugas khusus dan tugas-tugas di mana mereka telah dilatih.

**Sasaran:** 40%

### Justifikasi:

- i. Tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan serta memiliki kemahiran industri merupakan keperluan badan-badan akreditasi.
- ii. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerangka Keberhasilan bajet Berasaskan Outcome (OBB) peringkat Aktiviti (Activity Performance Management Framework – APMF)

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung pencapaian KPI ini adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator:* Jumlah pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri pada tahun berkaitan

*Denominator:* Reten pengisian perjawatan pensyarah teras bidang berdasarkan ketetapan awal tahun dan kajian separuh tahun dalam tahun berkaitan

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 11: UKPK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## Dokumen Bukti:

Pegawai Latihan perlu menyediakan dokumen bukti seperti jadual di bawah ke dalam aplikasi digital (bukan Sistem PERSIST) yang disediakan oleh Pemilik Proses.

BIL	DEFINISI OPERASI	DOKUMEN BUKTI
1.	Pensyarah teras bidang melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan	Sijil SIP/Surat Tamat LSI
2.	Pensyarah mempunyai kelayakan professional/sijil profesional	Sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember tahun semasa

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 12: CISEC**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

### **Pernyataan KPI**

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

### **Definisi Operasi:**

Bilangan penyertaan program PSH di Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa merujuk kepada kategori program PSH iaitu Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal.

**Sasaran:** 750

### **Justifikasi:**

Penetapan sasaran adalah berdasarkan kepada trend pencapaian empat (4) tahun terdahulu.

### **Kaedah Pengukuran:**

Penetapan bilangan penyertaan PSH adalah mengikut kategori Politeknik yang telah ditetapkan. Sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah sasaran penyertaan PSH adalah bagi Program PSH bercirikan Revolusi Industri 4.0 (4IR). (Rujuk Perincian Program 4IR)

### **Dokumen Bukti:**

Laporan Pelaksanaan PSH Politeknik yang dijana daripada sistem ePSH.

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 13: UPIK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### Pernyataan KPI:

Bilangan kertas penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

### Definisi Operasi:

Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu merangkumi elemen seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, analisis, keputusan dan perbincangan serta kesimpulan. Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu berwasit yang bermaksud setiap kertas penyelidikan yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan (*review*) oleh pakar yang dilantik oleh penerbit. Antara hasil penyelidikan adalah merangkumi kluster Kejuruteraan, Teknologi, Perkhidmatan, Digital, Sains Sosial, dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang diterbitkan pada tahun semasa.

### Sasaran: 25

### Justifikasi:

- i. Sasaran KPI ini merujuk kepada kategori politeknik dan kolej komuniti.

### Kaedah Pengukuran:

- i. Bilangan kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh PPPT politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa yang diterbitkan sama ada di dalam *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding di peringkat zon/kebangsaan/antarabangsa.

### Dokumen Bukti:

Dokumen bukti bagi satu (1) kertas penyelidikan penuh mestilah mengandungi perkara seperti berikut:

- a. Kertas penyelidikan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa;
- b. Muka depan *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding;
- c. Maklumat kertas penyelidikan:
  - i. Isi kandungan tajuk penyelidikan; dan
  - ii. No. DOI./No. ISBN/e-ISBN/ISSN/URL bagi terbitan secara dalam talian

\*Sila muat naik dokumen bukti secara pakej (a+b+c).

### Catatan:

1. Sekiranya berlaku perpindahan pensyarah dari satu institusi ke institusi yang lain. Kertas penyelidikan yang dimuat naik akan dikira di bawah institusi yang asal sebelum perpindahan.
2. Mohon penyelaras tidak memuat naik satu buku sama ada *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding untuk tujuan dokumen bukti. Mohon penyelaras muat naik kertas penyelidikan milik pensyarah institusi masing-masing sahaja.

### Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 14: UPIK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### Pernyataan KPI:

Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Bilangan produk inovasi/perkhidmatan yang berjaya diaplikasikan (*solution provider*) dalam kalangan institusi atau di institusi luar pada tahun semasa.

1. Dalam kalangan institusi: merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di politeknik atau kolej komuniti lain. Contoh: Produk/perkhidmatan dihasilkan di Politeknik/Kolej Komuniti A, perlu diaplikasikan di Politeknik/Kolej Komuniti B.
2. Institusi luar: merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di industry/agensi/jabatan/komuniti selain daripada politeknik dan kolej komuniti.

### Sasaran: 1

### Justifikasi:

- i. Pembangunan ekosistem inovasi boleh memacu pertumbuhan ekonomi negara selari dengan tuntutan perubahan teknologi. Politeknik dan kolej komuniti perlu meningkatkan momentum untuk membangunkan produk inovasi yang boleh diaplikasikan kepada industry/agensi/jabatan/komuniti.

### Kaedah Pengukuran:

- i. Bilangan produk/perkhidmatan yang dihasilkan itu boleh diaplikasikan (*solution provider*) dan telah didaftarkan Perlindungan Harta Intelek oleh KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti pada tahun semasa.
- ii. Produk/perkhidmatan yang telah diaplikasikan dan didaftarkan perlindungan harta intelek pada tahun sebelumnya tidak boleh digunakan untuk tahun berikutnya.

### Dokumen Bukti:

- i. Surat Pengesahan diaplikasi dari KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti berkaitan produk inovasi yang diaplikasi/*solution provider* pada tahun semasa.
- ii. Notis pemberitahuan hak cipta/*copyright notification notice* atau sijil pemfailan atau surat perlindungan harta intelek (paten/pembaharuan utility/hak cipta/cap dagang/rekabentuk perindustrian/petunjuk geografi) atau carian dan pemfailan dalam talian MyIPO/MYIPO *online search and filling* pada tahun semasa.

### Pegawai Bertanggungjawab :

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 15: UKPK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 7: MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

### Pernyataan KPI:

Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Bilangan penyertaan program PSH di politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa merujuk kepada kategori program PSH iaitu Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal.

### Kategori Peserta PSH:

Kategori	Keterangan
Industri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyertaan dari industri, agensi awam, agensi swasta, NGO, badan professional dan industry/agensi luar negara.</li><li>• Agensi awam atau kementerian selain dari Kementerian Pengajian Tinggi yang menggunakan peruntukan kerajaan boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li></ul>
Komuniti	<ul style="list-style-type: none"><li>• Masyarakat/orang awam.</li></ul>
Pelajar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar sekolah dan IPTA/IPTS</li><li>• Penyertaan pelajar politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pelajar politeknik melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li></ul>
Pensyarah/staf	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyertaan dari pensyarah/staf politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pensyarah/staf melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li></ul>

**Sasaran: 750**

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan penyertaan PSH politeknik adalah 25,000 dengan mengambil kira program berikut:

- a. Program PSH bercirikan Revolusi Industri 4.0 (4IR).
  - i. Penyertaan dalam program PSH bercirikan Revolusi Industri. Teras 4IR:
    - *Internet of things (IoT)*
    - *Simulation – kecerdikan buatan (AI)*
    - *Big data*
    - *Cybersecurity*
    - *Cloud computing*
    - *Additive manufacturing*
    - *Augmented reality*
    - *System (horizontal and vertical) integration*
  - ii. Sasaran: 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan – PSH (2,500 penyertaan)
  - iii. Kaedah pengukuran adalah berdasarkan kriteria berikut:
    - Politeknik Premier/APACC : 85 penyertaan
    - Politeknik Konvensional : 75 penyertaan
    - Politeknik METrO : 50 penyertaan

# DEFINISI OPERASI KPI POLYCC

**KPI 15: UKPK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

- b. Program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (*online*)
- i. Penyertaan dalam program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (*online*).
  - ii. Sasaran: 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan - PSH (2,500 penyertaan)
  - iii. Kaedah pengukuran adalah berdasarkan kriteria berikut:
    - Politeknik Premier/APACC : 85 penyertaan
    - Politeknik Konvensional : 75 penyertaan
    - Politeknik METrO : 50 penyertaan

**Dokumen Bukti:**

- Laporan Pelaksanaan PSH Politeknik yang dijana daripada system ePSH oleh Unit Pelaksanaan PSH Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti.

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan



# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 1: CISEC**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### **Pernyataan KPI:**

Peratus graduan PSIS yang bekerja dalam bidang pengajian atau setara dengan kelayakan bidang pengajian.

### **Definisi Operasi:**

Graduan TVET Politeknik yang telah tamat pengajian dalam pelbagai bidang dan bekerja sama ada dengan majikan atau bekerja sendiri dalam bidang pengajian atau setara dengan kelayakan bidang pengajian serta mendapat ganjaran atau upah daripada pekerjaan tersebut.

Atau Graduan TVET Politeknik yang telah tamat pengajian dalam pelbagai bidang dan menyambung pengajian dalam bidang atau setara dengan kelayakan bidang pengajian.

**Sasaran: 50%**

**Justifikasi:** Graduan TVET Politeknik yang telah tamat pengajian dalam pelbagai bidang dan bekerja sama ada dengan majikan atau bekerja sendiri dalam bidang pengajian atau setara dengan kelayakan bidang pengajian serta mendapat ganjaran atau upah daripada pekerjaan tersebut.

### **Kaedah Pengukuran:**

Kaedah peratusan (%) yang diambil dari data Sistem Kajian Pengesanan Graduan graduan dari tahun semasa.

### **Dokumen Bukti:**

Laporan GE

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai SKPG & 1L5G

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 2: UPep**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### Pernyataan KPI :

Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT).

### Definisi Operasi :

Graduan TVET Politeknik yang telah tamat pengajian meliputi pelbagai bidang dalam tempoh reka bentuk sesebuah program. Program pengajian yang diambil kira adalah program diploma politeknik yang dilaksanakan secara formal sepenuh masa.

**Sasaran :** 75%

### Kaedah Pengukuran :

Peratus GOT =

Bilangan Pelajar Tamat Pengajian Tahun Semasa

$$\frac{\text{Bilangan Pelajar Tamat Pengajian Tahun Semasa}}{\text{(Bilangan Ambilan Pelajar Mengikut Tempoh Reka Bentuk – Bilangan Keciciran*)}}$$

\*Bilangan keciciran yang diambil kira adalah terdiri daripada:

1. Pelajar bertukar institusi
2. Pelajar berhenti pengajian
3. Pelajar meninggal dunia
4. Pelajar gagal dan berhenti

### Dokumen Bukti :

Jadual Pengiraan GOT

### Pegawai Bertanggungjawab :

Pegawai Peperiksaan

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 3: JKK AKADEMIK**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### **Pernyataan KPI:**

Tahap Kepuasan Majikan terhadap graduan yang bekerja.

### **Definisi Operasi:**

Menghasilkan graduan TVET yang diyakini dan menjadi rebutan majikan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Pemantauan terhadap kualiti graduan dapat dilaksanakan melalui Indeks Kepuasan Majikan terhadap graduan yang bekerja.

### **Sasaran:**

Indeks Kepuasan Majikan pada nilai min 4.10

### **Justifikasi:**

Terdapat ketidakpadanan antara penawaran dengan permintaan graduan. Sebahagian majikan melaporkan bahawa sesetengah graduan lemah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Ketidakpadanan ini dijangka semakin sukar untuk diatasi disebabkan ekspektasi yang semakin meningkat berikutan perkembangan teknologi yang mengubah bentuk industri dan jenis pekerjaan yang ditawarkan.

### **Kaedah Pengukuran:**

Instrumen Kajian Kepuasan Majikan terhadap graduan yang bekerja

### **Dokumen Bukti:**

Hasil dapatan Kajian Kepuasan Majikan terhadap graduan yang bekerja - Indeks Kepuasan Majikan

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pengerusi JKK Akademik

Pegawai Alumni

Penyelaras SPAK

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 4: UPU**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

**Pernyataan KPI:**

Peratus pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian.

**Definisi Operasi:**

Peratusan usahawan pelajar yang menjalankan perniagaan di kampus semasa tempoh pengajian.

**Sasaran:** 19%

**Kaedah Pengukuran :**

Jumlah pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian di dalam atau luar kampus secara dalam talian / luar talian

---

Jumlah keseluruhan pelajar pada tahun semasa

**Dokumen Bukti:**

Senarai pelajar yang menjalankan perniagaan

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai UPU  
Penyelaras Kursus Keusahawanan

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 5: UPU**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### Pernyataan KPI:

Bilangan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran bidang keusahawanan

### Definisi Operasi:

Bilangan tenaga pengajar dalaman dan tenaga pengajar luar yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar.

Kepakaran :

1. Persijilan & Pengiktirafan
  - i. Mempunyai kelulusan akademik atau ikhtisas (kemahiran khusus) dalam bidang berkaitan keusahawanan/pengurusan perniagaan/perdagangan atau;
  - ii. Mendapat pengiktirafan/ pensijilan profesional keusahawanan/ perniagaan daripada institusi bertauliah nasional atau antarabangsa atau agensi-agensi yang diiktiraf kerajaan atau ;
  - iii. Telah menjalani latihan keusahawanan yang diiktiraf oleh Pusat Keusahawanan IPTA atau;
  - iv. Telah menjalani program sangkutan atau penempatan silang di industri/ PKS lebih daripada dua (2) bulan
  
2. Sumbangan
  - i. Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar atau;
  - ii. Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan PKS/ komuniti atau;
  - iii. Mengajar kursus berkaitan keusahawanan.  
\*(i atau ii atau iii mendapat pengiktirafan Pusat Keusahawanan masing-masing).

\*Pengiraan adalah secara kumulatif. Tenaga pengajar / pembimbing yang tidak lagi berkhidmat dengan institusi tidak boleh diambil kira.

**Sasaran: 15 orang**

### Justifikasi:

Tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar.

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 5: UPU**

**FREKUENSI: TAHUNAN**


**Kaedah Pengukuran:** Jumlah tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran bidang keusahawanan

**Dokumen Bukti:**

Sijil Pengiktirafan / Surat Lantikan

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai UPU



# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 6: JSKK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### **Pernyataan KPI:**

Bilangan pelajar yang mendapat pengiktirafan dalam penglibatan program/kejohanan/pertandingan sukan, kebudayaan dan ko-kurikulum di peringkat politeknik/ zon/negeri/kebangsaan/antarabangsa.

### **Definisi Operasi:**

Mendapat pengiktirafan/kejayaan merujuk kepada kemenangan / penganugerahan dalam program/kejohanan/pertandingan sukan, kebudayaan dan ko-kurikulum di peringkat daerah/ zon/negeri/kebangsaan/antarabangsa.

**Sasaran:** 10 orang pelajar

### **Justifikasi:**

1. Kemenangan/anugerah kecemerlangan pelajar dalam apa-apa penglibatan program/kejohanan/pertandingan sukan, kebudayaan dan ko-kurikulum di peringkat politeknik/ zon/negeri/kebangsaan/ antarabangsa.
2. Pengiktirafan/ Kemenangan kepada setiap pelajar (seorang pelajar hanya diiktiraf bagi satu kemenangan/anugerah sahaja).
3. Sekiranya kejayaan / kemenangan bagi satu kumpulan pelajar maka setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan. Contoh: satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada 5 orang pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan E-sport di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah 5 orang.
4. Pengiktirafan/ Kemenangan pelajar atas inisiatif pelajar sendiri dalam menyertai apa-apa pertandingan diambil kira sekiranya memberi impak menaikkan imej Politeknik / Kolej Komuniti.

### **Kaedah Pengukuran:**

Bilangan penyertaan individu. Jika satu pelajar menyertai dua program/kejohanan/pertandingan sukan, kebudayaan dan ko-kurikulum, dan mendapat kemenangan, maka dianggap sebagai dua kemenangan penyertaan.

### **Dokumen Bukti:**

1. Jadual/ dokumen senarai pemenang, atau
2. Sijil Pengiktirafan; atau
3. Laporan Pelaksanaan Program

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

KJ JSKK  
Pegawai Belia dan Sukan  
Pegawai Kebudayaan  
Ketua Kursus Sukan dan Kelab

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 7: JKK AKADEMIK**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### **Pernyataan KPI:**

Bilangan pelajar yang mendapat pengiktirafan dalam pertandingan inovasi/akademik peringkat politeknik/zon/negeri/kebangsaan/antarabangsa.

### **Definisi Operasi:**

Mendapat pengiktirafan/kejayaan merujuk kepada kemenangan / penganugerahan / dalam pertandingan bercirikan akademik / inovasi di peringkat politeknik / zon / negeri / kebangsaan / antarabangsa.

**Sasaran:** 30 orang pelajar mendapat pengiktirafan

### **Justifikasi:**

Justifikasi sasaran KPI merujuk kepada trend pencapaian tahun sebelumnya.

### **Kaedah Pengukuran:**

1. Kemenangan/anugerah kecemerlangan pelajar dalam apa-apa pertandingan berasaskan kemahiran/inovasi dengan memperoleh pingat emas / perak / gangsa atau johan / naib johan atau tempat pertama / kedua / ketiga atau diploma (certificate of medallion).
2. Kejayaan pada setiap pelajar (seorang pelajar bagi satu kemenangan/anugerah).
3. Sekiranya kejayaan / kemenangan bagi satu kumpulan pelajar maka setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan. Contoh: satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada 3 orang pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah 3 orang.
4. Kemenangan atau kejayaan pelajar atas inisiatif sendiri dalam menyertai apa-apa pertandingan diambilkira sekiranya memberi impak menaikkan imej Politeknik / Kolej Komuniti.
5. Kejayaan seorang pelajar diambilkira yang tertinggi sahaja dalam kategori / bidang yang sama dalam pelbagai peringkat.

### **Dokumen Bukti:**

1. Jadual Senarai Pemenang; dan
2. Sijil Pengiktirafan; atau
3. Laporan Pelaksanaan Program

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pengerusi Jawatankuasa Kecemerlangan Akademik  
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan  
Pegawai Inovasi



# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 8: UPa**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### **Pernyataan KPI:**

Bilangan pelajar Politeknik dan luar negara dalam program mobiliti.

### **Definisi Operasi:**

KPI ini memberi fokus bagi memenuhi hasrat yang terkandung dalam Lonjakan 4 dan Lonjakan 8 daripada PPPM 2015–2025 (PT). KPI ini juga menyokong keperluan Objektif Strategik Teras 1 iaitu Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti dalam PSPKK 2018-2025 yang ditetapkan oleh JPPKK.

KPI ini menyasarkan bilangan pelajar Politeknik dan luar negara yang menyertai program mobiliti (inbound dan outbound) anjuran Politeknik atau institusi luar negara pada tahun semasa. Program dijalankan secara bersemuka atau dalam talian. Program mobiliti merujuk program yang melibatkan aktiviti seperti berikut:

- i. Aktiviti akademik
- ii. Pertukaran pelajar
- iii. Mobiliti/Mobiliti industri
- iv. Lawatan akademik
- v. Summer/Winter Course
- vi. Familiarisation trip
- vii. Campus transfer
- viii. Pertukaran budaya
- ix. Latihan industri
- x. Lain-lain aktiviti yang berkaitan

Tempoh pelaksanaan program sekurang-kurangnya satu (1) hari.

**Sasaran:** 10 orang pelajar

### **Justifikasi:**

Sasaran KPI ditingkatkan berbanding tahun 2020 dengan pertimbangan peralihan fasa pandemik ke fasa endemik dan penetapan KPI berkaitan di bawah Lonjakan 8 PPPM 2015–2025 (PT) masih belum dimuktamadkan.

### **Kaedah Pengukuran:**

Bilangan pelajar Politeknik dan luar negara yang menyertai program mobiliti (inbound dan outbound) secara bersemuka atau dalam talian di Politeknik atau institusi luar negara yang dikira pada tahun semasa (1 Januari – 31 Disember).

### **Dokumen Bukti:**

Laporan Pelaksanaan Program Mobiliti

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai Pengantarabangsaan

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 9: PTMM**

**FREKUENSI: SUKUAN**

## **TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN**

### **Pernyataan KPI:**

Bilangan perisian aplikasi yang dibangun dan digunakan untuk menambahbaik Sistem Tadbir Urus.

### **Definisi Operasi:**

KPI ini adalah bertujuan untuk membangunkan perisian serta aplikasi yang dapat menambah sistem tadbir urus dan membantu meningkatkan proses di tempat kerja supaya lebih produktif dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Dengan adanya perisian dan aplikasi yang dibangun, ia dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan atau proses yang berterusan dikalangan staf. Perisian dan aplikasi ini juga dapat mengurangkan pembaziran dari segi penggunaan kertas dan mesin pencetak untuk mencetak borang. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan pelanggan.

### **Sasaran:**

2 Perisian / Aplikasi

### **Kaedah Pengukuran:**

Bilangan Perisian / Aplikasi

### **Dokumen Bukti:**

Laporan Pelaksanaan Perisian / Aplikasi

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Seksyen Teknologi Maklumat dan Multimedia

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 10: TPSA (PEGAWAI LEAN) FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI:

Bilangan aktiviti Lean Management di jabatan

### Definisi Operasi:

KPI ini merupakan usaha penambahbaikan yang amat praktikal bagi membantu meningkatkan proses di tempat kerja supaya lebih produktif dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Lean Management adalah peningkatan produktiviti dan kualiti yang memerlukan proses penambahbaikan produk, perkhidmatan atau proses berterusan melalui percambahan idea kreatif dari pekerja dan amalan secara berkesan. Ia juga dapat mengurangkan atau menghapuskan pembaziran, pengurangan kos dan meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan pelanggan.

### Sasaran: 4

### Kaedah Pengukuran:

1. Perancangan - Mewujudkan proses dan prosedur yang relevan dan merancang pelaksanaan kerja
2. Pelaksanaan - Melaksanakan penambahbaikan atau penjimatan dalam aktiviti yang dirancang
3. Pemantauan - Pemantau pelaksanaan projek secara berterusan (kaizen)
4. Tindakan Susulan - Penambahbaikan berterusan (jika perlu) - Kajian impak boleh dilaksanakan bagi pengesahan pencapaian

### Dokumen Bukti:

Format Laporan yang dilampirkan

### Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Lean Management

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 11: TPSA (UPIBF, UPPSiK, JSKK) FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

**Pernyataan KPI:**

Bilangan aktiviti pembudayaan amalan kerja selamat / amalan gaya hidup sihat / motivasi diri

**Definisi Operasi:**

Pemupukan budaya amalan baik bagi menyokong kemajuan kerjaya dikalangan warga PSIS (kakitangan dan pelajar) melalui penganjuran aktiviti-aktiviti seperti amalan kerja selamat, amalan gaya hidup sihat, motivasi diri dan program kerohanian.

**Sasaran:**

5 aktiviti

**Kaedah Pengukuran:**

Bilangan aktiviti

**Dokumen Bukti:**

Laporan Pelaksanaan Aktiviti

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Unit Pengurusan Infra, Bangunan & Fasiliti  
Pegawai Keselamatan, Kesihatan & Pekerjaan

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 12: UPS**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

**Pernyataan KPI:**

Peratus pencapaian skor kecemerlangan institusi sekurang-kurangnya 85%.

**Definisi Operasi:**

Skor kecemerlangan yang wajar dicapai oleh institusi adalah sekurang-kurangnya 85% pada tahun semasa. Skor kecemerlangan merujuk kepada skor akhir yang diperoleh oleh institusi. Skor kecemerlangan ini merangkumi peratusan skor KPI POLYCC yang dijana melalui Sistem Pengurusan Prestasi KPI POLYCC (PERSIST 2.0) dan peratusan skor KPI PSIS.

**Sasaran:**

Skor kecemerlangan sekurang-kurang 85%

**Kaedah Pengukuran:**

Peratusan

**Dokumen Bukti:**

Laporan Pencapaian KPI

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai KPI I

Pegawai KPI II

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 13: PUSAT ISLAM**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

**Pernyataan KPI:**

Bilangan aktiviti/program kerohanian

**Definisi Operasi:**

Membentuk warga PSIS yang berilmu, beriman dan beramal soleh serta berupaya menghindarkan diri daripada gejala sosial bagi melahirkan ummah yang bertaqwa.

**Sasaran:**

2 aktiviti

**Kaedah Pengukuran:**

Bilangan aktiviti

**Dokumen Bukti:**

Laporan Pelaksanaan Aktiviti

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Pengerusi Pusat Islam

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

## KPI 14: TPSA (PEGAWAI GREEN) FREKUENSI: TAHUNAN

### TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

**Pernyataan KPI:**

Bilangan aktiviti /program inisiatif kampus hijau

**Definisi Operasi:**

Pemupukan budaya hijau dan melestarikan politeknik berpandukan kepada pelaksanaan aktiviti berdasarkan tujuh (7) bidang tumpuan yang telah ditetapkan dalam Blueprint SmartGreen PolyCC (BSGPC) iaitu merangkumi Pengurusan Pendidikan dan Penyelidikan, Pengurusan Tenaga dan Perubahan Iklim, Pengurusan Alam Sekitar dan Landskap, Pengurusan Sisa, Pengurusan Air, Pengurusan Pengangkutan dan Perolehan Hijau.

**Sasaran:**

1 aktiviti

**Kaedah Pengukuran:**

Bilangan aktiviti

**Dokumen Bukti:**

Laporan Pelaksanaan Aktiviti, Laporan pencapaian UI Greenmetrics World University Rankings

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Penyelaras SmartGreen

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 15: UKPK**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI:

Jumlah kutipan projek penajaan/pendapatan Akaun Amanah.

### Definisi Operasi:

Akaun amanah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengendalikan penerimaan dan pembiayaan yang berkaitan dengan segala latihan, perundingan, perkhidmatan, penyelidikan, inovasi, keusahawanan dan kursus/program yang dijalankan di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi pihak swasta, agensi kerajaan, pertubuhan atau orang perseorangan di bawah kelolaan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. PSIS tersenarai sebagai salah satu pelaksana Akaun Amanah di bawah kumpulan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.

Contoh program / aktiviti: Kursus Pra Muet, Kursus Motivasi Pelajar Sekolah, Kursus Berbasikal Tahap 1, Kursus Masakan, Kursus *Halal Executive*.

**Sasaran:** Kutipan penajaan/pendapatan akaun amanah sebanyak **RM 40000.00 setahun**

### Justifikasi:

8 Jabatan disasarkan untuk menjana sebanyak RM 35,000.00 setahun.

Jabatan	JKE	JKA	JTMK	JPH	JP	JMSK	JPA	JPPPel
Sasaran (RM)	4500	4500	4500	4500	4500	4500	4500	3500

3 seksyen perlu menjana sebanyak RM 5,000.00 setahun.

Seksyen	UKPK	PTMMS	JSKK
Sasaran (RM)	3000	1500	500

### Kaedah Pengukuran:

Jumlah kutipan/penajaan secara kumulatif yang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah hasil dari pelaksanaan aktiviti yang dianjurkan.



# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 15: UKPK**


**FREKUENSI: TAHUNAN**

**Dokumen Bukti:**

1. Penyata Terimaan & bayaran akaun amanah yang lengkap mengandungi butiran berhubung dengan baki awal tahun, urus niaga terimaan dan bayaran bagi tahun kewangan semasa; dan
2. Laporan penjanaaan akaun amanah melalui aktiviti Time Sector Privatisation (TSP) dan lain-lain.

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Unit Kompetensi & Pembangunan Kerjaya



# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 16: SG (PAK)**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## **TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN**

**Pernyataan KPI:**

Bilangan pemantauan terhadap pematuhan tatacara kewangan tahunan

**Definisi Operasi:**

Pemantauan terhadap tatacara kewangan perlu dilaksanakan secara berkala bagi memastikan pematuhan terhadap pekeliling/garis panduan kewangan yang telah ditetapkan.

Contoh program / aktiviti: Aktiviti pemeriksaan dalaman dan pemeriksaan mengejut.

**Sasaran:**

4 aktiviti pemantauan

**Justifikasi:**

Pemeriksaan setiap 6 bulan sekali mengikut Arahan Perbendaharaan

**Kaedah Pengukuran:**

Bilangan aktiviti yang dilaksanakan mengikut perancangan takwim tahunan

**Dokumen Bukti:**

1. Laporan Pelaksanaan Aktiviti atau
2. Laporan Dapatan Aktiviti Pemantauan

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Penolong Akauntan Kanan

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 17: UKPK**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT

### **Pernyataan KPI :**

Peratus staf mengikuti pembangunan kepimpinan (Kepimpinan / Tadbir Urus / Perancangan Strategik / Kewangan).

### **Definisi Operasi :**

Program yang perlu dihadiri oleh staf meliputi program / latihan / kursus yang berkonsep kepimpinan, tadbir urus yang efektif, perancangan strategik yang berwawasan dan integriti di dalam pengurusan kewangan.

Contoh Program: Kursus High Impact Negotiation Skill

Staf merangkumi staf akademik dan bukan akademik yang menghadiri sekurang-kurangnya satu program berkenaan. Staf yang hadir melebihi satu kali program yang dimaksudkan akan dikira sebagai satu orang sahaja.

**Sasaran:** 5%

### **Justifikasi :**

5% daripada bilangan staf PSIS (Reten Bulan Januari: 242 staf) (\*\* jumlah ini akan diubah berdasarkan reten Januari 2023) bagi tahun semasa.

### **Kaedah Pengukuran:**

$$\frac{\text{Jumlah staf yang menghadiri program tersebut pada tahun berkaitan} \times 100}{\text{Raten pengisian penjawatan staf bulan Januari tahun berkaitan}}$$

### **Dokumen Bukti :**

1. Laporan Pelaksanaan Kursus; atau
2. Sijil Penyertaan

### **Pegawai Bertanggungjawab :**

Ketua Seksyen Kompetensi & Pembangunan Kerjaya

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 18: TPA**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

### **Pernyataan KPI:**

Peratus program yang mencapai 30 jam interaksi Program Pensyarah Pelawat Industri (PPI)

### **Definisi Operasi:**

Program ini bertujuan untuk melibatkan pengamal industri dalam proses pengajaran & pembelajaran (PdP) melalui aktiviti Pensyarah Pelawat Industri (PPI). Pelaksanaan PPI ini membolehkan para pelajar memperolehi pengetahuan dan berkongsi pengalaman serta teknologi terkini secara terus dari pengamal industri samada di bilik kuliah atau di industri disamping dapat mempelbagaikan kaedah PdP.

Aktiviti yang diambilkira adalah:

1. Aktiviti oleh program pengajian yang melibatkan penceramah dari industri seperti webinar, ceramah, bengkel dan kursus yang melibatkan pelajar sebagai peserta.
2. Lawatan akademik pelajar ke industri yang berkaitan.

### **Sasaran:**

1. 100% program pengajian mencapai 30 jam interaksi PPI
2. Salah satu program PPI berkaitan pembangunan bahan PdP berteraskan 4IR (co KPI 19)

### **Kaedah Pengukuran:**

Jumlah jam kumulatif interaksi bersama penceramah dari industri.

### **Dokumen Bukti:**

1. Laporan Pelaksanaan Aktiviti;
2. Dokumen berkaitan berdasarkan Buku Panduan Pelaksanaan KPI Pensyarah Pelawat Industri 2016-2020

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Timbalan Pengarah Akademik

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 19: UPD**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

### **Pernyataan KPI:**

Bilangan pembangunan bahan PdP pensyarah yang bercirikan pendidikan abad ke 21

### **Definisi Operasi:**

Keperluan sumber Bahan Digital menjadi keutamaan aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Bahan Digital berteraskan 4IR yang pelbagai, memenuhi kehendak kurikulum dan mudah dicapai akan membawa kepada aktiviti pdp yang cemerlang dan lancar. Bahan Digital membawa maksud sebarang kandungan yang wujud dalam bentuk data digital. Ianya termasuklah slide nota, video tutorial, video PdP, infografik dan eBook. Setiap jabatan akademik dimestikan untuk memperkayakan sumber bahan digital bagi tujuan untuk menyokong PdP di PSIS.

### **Sasaran:**

14 bahan PdPDT pensyarah yang bercirikan pendidikan abad ke 21

### **Kaedah Pengukuran:**

1. Satu bahan PdP berbentuk video/video 360 pensyarah yang bercirikan pendidikan abad ke 21 bagi setiap jabatan akademik.
2. Satu bahan PdP berbentuk eBook pensyarah yang bercirikan pendidikan abad ke 21 bagi setiap jabatan akademik.

### **Dokumen Bukti:**

Senarai eBook dan pautan video Youtube

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Unit Pembelajaran Digital  
Jawatankuasa Penerbitan PSIS

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 20: UPD**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

**Pernyataan KPI:**

Peratus pelaksanaan pembelajaran teradun.

**Definisi Operasi:**

Pembelajaran Teradun atau juga lebih dikenali sebagai Blended-Learning adalah kaedah pembelajaran yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan / atau tidak bersemuka dengan menggunakan medium yang sesuai bagi menghasilkan PdP yang berkesan. Setiap jabatan akademik perlu memastikan pensyarah menggunakan platform rasmi LMS CIDOS bagi tujuan untuk menyokong pembelajaran teradun di PSIS iaitu 1 pensyarah mempunyai minima 1 platform Blended-Learning dalam LMS CIDOS.

**Sasaran:**

50% pelaksanaan pembelajaran teradun.

**Kaedah Pengukuran:**

Pelaporan Blended Learning LMS CIDOS

**Dokumen Bukti:**

Blended Learning LMS CIDOS report melalui sistem

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Unit Pembelajaran Digital

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 21: JPPPeI**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 4 : PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

### Pernyataan KPI:

Bilangan aktiviti yang memperluas promosi program sepenuh masa.

### Definisi Operasi:

Aktiviti mempromosi program-program sedia ada yang ditawarkan di PSIS kepada komuniti setempat secara bersemuka atau melalui saluran media sosial. Contohnya menyertai pameran dan slot siaran langsung di media sosial.

### Sasaran:

5 aktiviti

### Justifikasi:

1. Menjadikan PSIS sebagai pilihan utama dalam TVET bagi komuniti setempat terutama sekolah-sekolah di sekitar Sabak Bernam.
2. Meningkatkan kemasukkan pelajar ke PSIS.
3. Memberi ruang dan peluang kepada komuniti setempat terutama sekolah-sekolah di sekitar Sabak Bernam.
4. Menaikkan imej PSIS di dalam komuniti setempat dan sekolah-sekolah sebagai pusat pengajian utama.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan promosi yang diadakan.

Dokumen Bukti:

Laporan Promosi

### Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai PHEP (PD)

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 22: CISEC**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

### Pernyataan KPI:

Bilangan aktiviti dengan IAC/CEO@POLYCC

### Definisi Operasi:

Graduan TVET Politeknik yang telah tamat pengajian dalam pelbagai bidang dan bekerja sama ada dengan majikan atau bekerja sendiri dalam bidang pengajian atau setara dengan kelayakan bidang pengajian serta mendapat ganjaran atau upah daripada pekerjaan tersebut.

### Sasaran: 1

### Justifikasi:

Aktiviti bermaksud sesuatu yang dilakukan; kegiatan; usaha (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka). Aktiviti boleh dijalankan dari mana-mana kategori IAC. Aktiviti dengan IAC boleh dikategorikan kepada empat perkara berikut:

1. Memberikan input dan maklum balas untuk meningkatkan kemahiran dan atribut graduan
2. Memberikan nasihat dan membantu Politeknik dalam pembangunan Centre of Technology and Centre of Excellence
3. Menyokong dan menyertai aktiviti-aktiviti Politeknik dan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri yang telah dijadualkan
4. Mempromosi penjenamaan dan reputasi Politeknik supaya setanding dengan yang terbaik di peringkat kebangsaan

IAC (Industry Advisory Committee) bermaksud pihak industri yang telah dilantik oleh JPP dalam tempoh dua tahun yang bertujuan untuk meningkatkan pemindahan pengetahuan dari industri ke Politeknik.

Industri bermaksud organisasi luar selain Politeknik / Kolej Komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, NGO, badan profesional termasuk industri / agensi dari luar negara.

**Kaedah Pengukuran:** Bilangan aktiviti

### Dokumen Bukti:

Laporan aktiviti  
Sijil pelantikan IAC

### Pegawai Bertanggungjawab :

Pegawai SKPG & 1L5G



# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 23: TPSA/JK CSR**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## **TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI**

### **Pernyataan KPI:**

Bilangan aktiviti CSR bersama komuniti

### **Definisi Operasi:**

Program sukarelawan yang disertai oleh pelajar yang memberi impak kepada komuniti di pelbagai peringkat (institusi / zon / wilayah / negeri / kebangsaan / antarabangsa).

1. Program Sukarelawan yang dilaksanakan oleh institusi (Politeknik / Kolej Komuniti) bersama komuniti; atau
2. Program Sukarelawan yang dilaksanakan oleh institusi (Politeknik / Kolej Komuniti) dengan kerjasama agensi luar / NGO / swasta; atau
3. Program Sukarelawan yang disertai oleh pelajar Politeknik / Kolej Komuniti yang dianjurkan oleh agensi luar / NGO / swasta (jemputan penyertaan pelajar)

**Sasaran:** 5

### **Kaedah Pengukuran:**

Bilangan program merujuk kepada jumlah program yang dilaksanakan oleh institusi atau jumlah program yang disertai oleh pelajar atas jemputan agensi luar / NGO / swasta.

### **Dokumen Bukti:**

Laporan aktiviti

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai dan JK CSR

# DEFINISI OPERASI KPI PSIS

**KPI 24: CISEC**

**FREKUENSI: TAHUNAN**

## **TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI**

### **Pernyataan KPI:**

Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni

### **Definisi Operasi:**

Alumni adalah merujuk kepada bekas pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti.

### **Sasaran: 4**

### **Justifikasi:**

1. Penglibatan alumni dalam aktiviti / program di peringkat Politeknik / Kolej Komuniti / wilayah dan kebangsaan.
2. Program merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan oleh alumni yang melibatkan pihak Jabatan / Politeknik / Kolej Komuniti.
3. Aktiviti merujuk kepada penglibatan alumni yang merupakan ahli kepada Persatuan Alumni Berdaftar dalam penganjuran / pengelolaan / penyertaan serta apa-apa sumbangan (*alma-mater*) kepada Politeknik / Kolej Komuniti yang memberi keberkesanan impak terutama kepada pelajar, institusi mahupun komuniti melalui kategori kluster.
4. Kategori kluster program merujuk kepada:
  - i) Kluster myAlumni Sport
  - ii) Kluster myAlumni TVET Academic
  - iii) Kluster myAlumni Lestari
  - iv) Kluster myAlumni Prihatin
  - v) Kluster myAlumni: Hari Bersama Persatuan
5. Sumbangan alma mater bermaksud sumbangan semula kepada institusi yang pernah menjadi tempat belajar seseorang dari aspek; pembangunan kemahiran seperti kewujudan peluang pekerjaan, khidmat panel penasihat, latihan, kebajikan, kerohanian, motivasi kaunseling (mentor mentee) dan membantu promosi pengambilan pelajar serta dana sumbangan (endowment). Ia Juga bagi menyokong peningkatan kebolehpasaran pelajar melalui data dan ikon alumni.

**Kaedah Pengukuran:** Bilangan program/aktiviti yang dianjurkan bersama alumni berdasarkan kluster program yang dinyatakan dalam Definisi Operasi.

### **Dokumen Bukti:**

Laporan aktiviti dan hasil kajian keberkesanan  
Salinan Sijil Penghargaan kepada Alumni/Persatuan Alumni yang terlibat; atau  
Salinan Surat Jemputan kepada Alumni/Persatuan Alumni

### **Pegawai Bertanggungjawab:**

Pegawai Perhubungan Alumni dan Penyelaras Alumni Jabatan

# SIDANG REDAKSI

## **PENAUNG**

**Ts. Zulkurnain Bin Shahadan**

## **PENASIHAT**

**Ts. Nizam Bin Mohd Nasir  
Encik Norman Bin Zamri**

## **KETUA PENYUNTING**

**Puan Nurul Syamshida Binti Mokhtar**

## **PENYUNTING**

**Dr. Khairul Jannah Binti Samsudin  
Puan Sharida Zaina Binti Shafie  
Puan Zazurah Binti Mat Zuini**

## **PEREKA GRAFIK**

**Encik Mohamad Faiz Bin Jamaludin**

# SEKALUNG PENGHARGAAN

## TERAS 1

Dr. Mazura Binti Mansor  
Ts. Zurita Binti Abdul Kadir  
Puan Norsuzana Binti Zakaria  
Encik Mohd Shahir Bin Dzulkapli  
Encik Hairulanuar Bin Rosman  
Cik Noorarizawaty Binti Aris

## TERAS 2

Encik Norman Bin Zamri  
Encik Faridzul Adzli Bin Mad Adim  
Tuan Haji Mohd Farid Bin Dawam  
Encik Mohamad Fauzi Bin Che Pa  
Encik Mohamad Faiz Bin Jamaludin  
Encik Ahmad Halimi Bin Main

## TERAS 3

Dr. Mohamad Kazar Bin Razali  
Puan Safiza Binti Alfian Yusof  
Ts. Khalid Bin Deris  
Tuan Haji Zainuddin Bin Kasmuri  
Encik Mohd Rusdan Bin Hasan

## TERAS 4

Ts. Nizam Bin Mohd Nasir  
Puan Saedah Johnny Noakes  
Tuan Haji Che Samsuriza Bin Che Noh  
Encik MohD Azmi Bin Mh Busra  
Ts. Nurul Zakiah Binti Kasnun

## TERAS 5

Encik Zhariff Naquiuddin Bin Abdul Munit  
LAr. Dr. Zanariah Binti Kassim  
Puan Hjh Rasidah Binti Sapri  
Encik Mohammad Ramzan Bin Mohamad Toha  
Encik Mohd Fauzi Bin Ali

## TERAS 6

Dr. Rosmanizah Binti Derahman  
Tuan Haji Muhammad Zan Bin Sailan  
Puan Nurul Syamshida Binti Mokhtar

# LAMPIRAN



## BENKEL PELAN TINDAKAN PSIS 2023

13 – 15 DISEMBER 2022



**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH  
SUNGAI LANG, 45100  
SUNGAI AYER TAWAR  
SELANGOR DARUL EHSAN**



**Politeknik Sultan  
Idris Shah**



**@politekniksultan  
idrisshah**



**Politeknik Sultan  
Idris Shah**



**@twitpsis**

e ISBN 978-967-2860-58-7



9 789672 860587